

Senarai calon dari UMNO 14 ADUN SELANGOR DIGUGUR

Oleh JAMALUDIN HAJI BAKAR dan ZAINUDDIN AYP

KUALA LUMPUR. Ahad — Hanya enam kekal manakala 14 orang lagi digugurkan dari senarai UMNO merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor dalam pilihanraya umum 22 April ini.

Pengarah Pilihanraya UMNO Selangor, Datuk Harun Haji Idris menegakkan, calon-calon yang dipilih dan yang digugurkan itu diperseutujui oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO.

Katanya, mereka yang digugurkan itu kebanyakannya terdiri dari mereka yang telah berkhidmat lebih dari dua penggal dan memang sewajarnya diberi peluang kepada ahli parti yang lain.

UMNO Selangor memenangi 20 kerusi Dewan Undangan Negeri dan enam kerusi Parlimen dalam pilihanraya 1978.

Mereka yang digugurkan termasuk

Menteri Besar, Datuk Hormat Rafel (Banting), yang mengumumkan tarik diri dari bertanding; Encek Muhamad Kassim bin Mohamed Yusof (Sekinchan); Datuk Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad (Sungai Burong); Speaker Datuk Shuib Haji Ahmad (Kalumpang); Encek Rosedin Haji Yaacob (Batang Kall); Puan Norsiah Haji Abdul Rahim (Jeram); Setiausaha Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Zakaria bin Haji Yahya (Gombak).

Datuk Mohamed Azmir bin Datuk Mohamed Nazir (Dusun Tua); Encek Abdul Hamid bin Mohamed Said (Semenyih); Datuk Raja Dzulfitri bin Raja Borhan (Kampung Jawa); Encek Mohamed Kamil Abdul Ghani (Panglima Garang); Encek Ishak Shufaat

(Morib); dan Haji Khalil Kasimjan (Sungai Air Tawar).

Enam yang dikekalkan ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Ahmad Razali (Dengkil); EXCO Negeri Selangor, Datuk Sanad Haji Said (Kapar); Encek Onn Haji Ismail (Sementa); Encek Ahmad Yusup Latib (Sabak); Encek Mohamad Ghazali bin Kantan (Sungai Besar); dan Encek Ariffin bin Mat Rawi (Sungai Panjang).

Datuk Harun menjelaskan Datin Paduka Zaleha Ismail memotong kerusi bertanding untuk kerusi Parlimen Tanjung Karang.

Manakala Encek Shukur Haji Siraj akan berpindah ke kawasan Sungai Burong menggantikan Datuk Kamaruzzaman bin Haji Ahmad.

Naib Presiden UMNO itu menegakkan, muka

muka baru yang dipilih bertanding merebut kerusi Dewan Undangan Negeri terdiri daripada mereka yang berkemampuan dan golongan muda.

Mereka ialah bekas Setiausaha Akhbar Datuk Musa Hitam, Encek Marwills bin Haji Yusof (Semenyih); bekas Setiausaha Politik Datuk Harun sendiri, Encek Fahmi Ibrahim (Dusun Tua); EXCO Pemuda UMNO Malaysia, Encek Maslan Datuk Harun (Sungai Way); Encek Mohd. Tarikh bin Junid (Panglima Garang); Puan Fatimah Suhaimi (Banting); Penghulu Abu Bakar (Morib); Encek Khalid Haji Ahmad (Permatang); Naib Ketua UMNO Bahagian Kepong, Encek Miskon Sutiro (Jeram).

Selainsuaha Politik Datin Paduka Hafidah Aziz, Encek Saldin Thambay (Gombak); Encek Mohd. Zain Sulaiman (Kampung Jawa); Encek Zainal Dahlan (Sungai Air Tawar); Encek Ramli

Abdul Rahman (Kalumpang); seorang pegawai Kerajaan, Encek Mohamad Haji Mohd. Taib (Batang Kall); dan Ustaz Shahrom bin Mohd. Som (Batu Laut).

Datuk Harun menerangkan, Datuk Ahmad Razali bertanding kerusi Ampang kerana MCA setuju bertukar kerusi dengan UMNO di Sekinchan, manakala MIC pula setuju bertukar Dengkil dengan Sungai Way.

Menurutnya, pembahagian kerusi adalah mengikut status quo lama — UMNO 21 kerusi, MCA 8, MIC 3 dan Gerakan 1.

Ditanya mengapa perubahan besar itu berlaku Datuk Harun berkata, "ia dilakukan semata-mata untuk kepentingan parti bagi memastikan pelaksanaan Kerajaan berjalan lebih lancar.

"Tidak timbul masalah pilih kasih dalam memilih manakala calon ini kerana ia diperseutujui oleh pucuk pimpinan parti," tegasnya.